

24 SEP 1998

Ghafar-Sokongan

GHAFAR YAKIN BN AKAN TERUS DAPAT SOKONGAN RAKYAT

KUALA TERENGGANU, 24 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba hari ini menyatakan keyakinannya bahawa, Barisan Nasional (BN) akan terus mendapat sokongan rakyat walaupun ketika ini menghadapi kemelut politik kerana pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis penerangan mengenai isu kegawatan ekonomi dan politik negara di sini, beliau berkata pada ketika inilah rakyat perlu menunjukkan pengorbanan mereka terhadap BN terutama UMNO bagi menunjukkan kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara.

"Jangan jadi bodoh, kita sudah merdeka selama 41 tahun dan sudah boleh berfikir, janganlah kerana kes Anwar itu menjadikan UMNO berpecah-belah, rugi pada negara dan rugi pada bangsa Melayu," katanya di hadapan lebih 1,500 anggota UMNO dan orang ramai di Dewan Besar, Wisma Darul Iman.

Turut hadir ialah Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Mohd Yusof Noor, Anggota Majlis Tertinggi Senator Datuk Ibrahim Ali, Datuk Dr Rais Yatim dan bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata sememangnya agak rumit untuk rakyat menerima isu Anwar itu tetapi beliau (Ghafar) percaya lama kelamaan melalui penerangan yang dilakukan dan bila kes itu dibawa ke mahkamah serta sudah ketahui keputusannya mereka akan terima juga.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept lepas dan disingkirkan daripada Umno pada hari berikutnya kerana didakwa tidak lagi sesuai untuk memegang jawatan itu kerana masalah moral.

Ditanya mengenai sokongan parti lain dalam BN, beliau berkata mereka memberikan sokongan sepenuhnya kepada UMNO dan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Setakat ini, saya belum dengar ada parti dalam BN tidak menyokong tindakan Dr Mahathir, malah mereka sedar negara harus aman kalau ingin maju," katanya.

Berkenaan kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor dalam Harakah yang mendakwa tiada keadilan dalam sistem kehakiman negara, Ghafar berkata kebebasan PAS bercakap itu sendiri menunjukkan kebebasan ada dalam negara ini.

Katanya juga penahanan beberapa pemimpin UMNO di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah kerana mereka turut serta dalam perhimpunan haram dan rusuhan yang berlaku bukannya tiada perpaduan lagi dalam UMNO.

Ghafar menafikan dakwaan tidak wujud lagi perpaduan dalam UMNO sebaliknya bertanya jika tiada perpaduan kenapa UMNO Bahagian Pasir Puteh, Tumpat dan Permatang Pauh tidak terikut dengan penahanan ketua bahagian masing-masing.

Ditanya mengenai salahlaku yang dilakukan oleh Anwar, Ghafar berkata "seorang rakan saya ketika kami sedang main golf dua tahun lepas, memberitahu mengenai salahlaku Anwar itu, tetapi saya tak percaya dan memarahinya supaya berhenti daripada bercakap perkara seperti itu," katanya.

-- BERNAMA

SBS PR